

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 27 APRIL 2017

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN • KHAMIS 18 MEI 2017
HULU LANGAT . AMPANG 41

Jangan cemarkan Sungai Beranang

Penduduk gusar sisa najis ternakan kerbau disalurkan ke sungai

SEMENYIH – Penduduk kampung sekitar Beranang mohon kerajaan negeri memandag serius berhubung isu sisa najis dari ladang ternakan kerbau ke Sungai Beranang kerana boleh mengakibatkan mencemarkan sungai berkenaan.

Pengerusi Jawankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Beranang, Mohd Kamal Bahrin Ahmad berkata, di-fahaman kawasan ini dijadikan ladang ternakan sejak 15 tahun lalu.

"Sebelum ini keadaan masih terkawal apabila sisa najis itu dibuang ke dalam lombong berhampiran. Namun, kemudian penduduk mendapati ada

INFO • Kerbau yang dilepaskan bebas dipercayai turut merosakkan batu nisan di kubur berhampiran.

saluran telah dibina dan ia dipercayai untuk menyalurkan najis haiwan ternakan itu ke sungai," katanya.

Beliau berkata, penduduk kampung juga merungut berhubung isu lain berkaitan haiwan ternakan itu setiap hari.

"Sekumpulan kerbau yang dilepaskan bebas dipercayai turut merosakkan batu nisan di kubur berhampiran serta najisnya

pula mengotori jalan di sekitar kampung," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Kerbau Hulu, Mohd Amzuan Abdul Latif berkata, beliau ditahankan pihak berkuasa telah mengarahkan pemilik ladang berkenaan menutup saluran yang dipercayai mengalirkan sisa najis ke Sungai Beranang.

"Bagaimanapun, penduduk khushir saluran itu akan pecah apabila hujan lebat dan air sisa najis akan mengalir ke sungai dan berkemungkinan menyebabkan kejadian pencemaran sungai serta krisis bekalan air akan berulang di Semenyih," katanya.

Menurutnya, penduduk turut mendahului haiwan yang dilepaskan bebas ini juga merosakkan hasil tanaman di kebun penduduk yang tidak berpagar.

"Usaha yang diambil oleh pengusaha ladang getah juga turut terjejas. Kulit pokok-pokok limau yang saya tanam turut rosak akibat digesel kerbau ini, maka selaman pokok itu akan mati," katanya.



Penduduk melihat lokasi yang dipercayai tercemar.